ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE



# PERPADUAN ASAS KEHARMONIAN

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلْقَائِل :

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا كَآفَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ .

أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ إِلَّا ٱللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. ٱللَّهُمَّ صَلِّ وسَلِّم عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَآ أَيُّهَا ٱلْمُسْلِمُونَ

اِتَّقُواْ اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّاىَ بِتَقْوَى ٱللَّهِ فَقَدْ
فَازَ ٱلْمُتَّقُونَ.

قَالَ ٱللَّهُ تَعَالَى: يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ
حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ١٠٢

# KEJAYAAN DI DUNIA DAN AKHIRAT HANYALAH BAGI ORANG-ORANG YANG;

- Bertakwa kepada Allah SWT
- Melaksanakan segala perintah Allah SWT
- Meninggalkan segala larangan Allah SWT
- Tidak bermain telefon bimbit ketika khutbah disampaikan

KHUTBAH MULTIMEDIA JAIS



## Tajuk Khutbah Jumaat

# PERPADUAN ASAS KEHARMONIAN

ISLAMIC•SAVIOUR•OBEDIENCE

SELANGOR

Bahagian Pengurusan Masjid (BPM)
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

# KEHARMONIAN MERUPAKAN;



**Tonggak sebuah tamadun yang unggul**

**Suasana persefahaman, hubungan baik dan keadilan yang kekal serta dijaga baik semua pihak**

**Pematuhan prinsip-prinsip;**

- ✓ **Asas kemanusiaan**
- ✓ **Ditetapkan oleh Islam**
- ✓ **Berasaskan Aqidah, hak, kehormatan dan nilai kemanusiaan**

## UTUSAN KEPADA SEMUA UMAT MANUSIA;

### Ayat 28, Saba’ bermaksud;

***“Dan Kami tidak mengutus kamu (wahai Muhammad) melainkan kepada semua umat manusia sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang yang beriman) dan sebagai pemberi amaran (kepada orang yang ingkar), tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)”.***

# NABI MUHAMMAD SAW DIUTUSKAN UNTUK;



Menegakkan keamanan

Membawa syiar Islam

Memelihara keharmonian

Menolak penindasan dan keganasan

# RASULULLAH SAW JUGA DIUTUSKAN UNTUK;

Menyempurnakan akhlak manusia

Menitikberatkan ketinggian budi pekerti dan akhlak manusia

Menzahirkan akhlak terpuji sebagai teladan agung

# PERHUBUNGAN UMAT ISLAM BERPAKSIKAN KETEGUHAN IMAN, MELAHIRKAN;

## RASA

- Kasih sayang
- Hormat menghormati
- Bertanggungjawab dengan yang lain

# KEWAJIPAN SETIAP ORANG BERIMAN;

Sabda Nabi SAW | Ayat al-Quran | **Ayat 10, al-Hujurat;**

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ
أَخَوَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ
تُرْحَمُونَ.

# KEWAJIPAN SETIAP ORANG BERIMAN;

SABDA NABI SAW | AYAT AL-QURAN | MAKSUD HADIS | MAKSUD AYAT

***"Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua-dua saudara kamu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat."***

## PENYATUAN UMAT ISLAM BERASASKAN KEIMANAN MEMBOLEHKAN;

**PERHUBUNGAN**

- Persaudaraan dapat dikekalkan
- Berasaskan akidah lebih kuat dan kekal
- Kehidupan yang aman dan harmoni

# SETIAP MUSLIM DITUNTUT UNTUK;

## MENJAUHI PERBUATAN

- Menyakiti
- Menzalimi
- Merenggangkan hubungan sesama muslim

# TANGGUNGJAWAB MUSLIM MEMELIHARA TERAS PERSAUDARAAN BERDASARKAN KEIMANAN;

## Sabda Nabi SAW bermaksud;

*"Orang Islam adalah saudara orang Islam yang lain, janganlah seorang muslim menyakiti saudaranya itu, dan janganlah ia menghampakan semasa orang itu memerlukan pertolongan, dan juga janganlah ia memandang rendah kepadanya apa lagi menghinanya. (Sebenarnya) takwa bertempat di sini! (Baginda menjelaskan demikian) dengan menunjukkan kepada dadanya tiga kali.*

# TANGGUNGJAWAB MUSLIM MEMELIHARA TERAS PERSAUDARAAN BERDASARKAN KEIMANAN;

## Sabda Nabi SAW bermaksud;

***(Kemudian Baginda menegaskan lagi): Cukuplah seseorang itu dikira melakukan kejahatan apabila ia memandang rendah (menghina) saudara sesama Islam. Keseluruhan hak seorang Muslim kepada Muslim lain adalah haram melakukan mudarat kepada keselamatan nyawa, harta dan kehormatan Muslim lain".”***

***(Riwayat Muslim).***

# HAK DAN TANGGUNGJAWAB SETIAP MUSLIM TERHADAP SAUDARANYA ADALAH;

**Hak berkaitan;**

- ✓ Harta
- ✓ Nyawa
- ✓ Lidah
- ✓ Hati
- ✓ Janji-janji

**Adab-adab dan akhlak mulia**

**Memelihara seluruh anggota tubuhnya daripada menyakiti saudara seagama dan sesama insan lain**

**Menjauhi segala perbuatan dilarang oleh Allah SWT**

# HATI WAJIB DIPELIHARA SEBAIK-BAIKNYA AGAR;

- Tidak dihinggapi penyakit-penyakit membinasakan
- Tidak merosakkan hubungan sesama muslim dan manusia lain
- Tidak mengundang kemurkaan Allah SWT

# KETETAPKAN AL-QURAN DAN SUNNAH DALAM BERHUBUNGAN SESAMA MUSLIM DAN BUKAN MUSLIM ADALAH;

1

- Kepelbagaian dalam penciptaan
- Fitrah penciptaan makhluk oleh Allah SWT
- Memahami hakikat manusia semuanya berasal daripada Nabi Adam Alaihissalam

## KETETAPKAN AL-QURAN DAN SUNNAH DALAM BERHUBUNGAN SESAMA MUSLIM DAN BUKAN MUSLIM ADALAH;

2

- Sunnatullah dalam kepelbagaian kepercayaan
- Ada batas yang jelas perlu dipertahankan
- Berpegang teguh kepada yang tetap dan tidak boleh diubah
- Berpegang teguh kepada agama tanpa sebarang kompromi

# SEJARAH MEMBUKTIKAN BAHAWA;

- Umat Islam tidak diajar untuk meruntuhkan rumah ibadat penganut lain
- Rasulullah SAW dan para sahabatnya menghormati penganut agama lain dan rumah ibadat mereka
- Kaabah disucikan daripada berhala kerana untuk membersihkannya daripada unsur syirik

## ATAS PILIHAN MASING-MASING;

### Ayat 1-6, Surah al-Kafirun bermaksud;

***"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa-apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku."***

## KETETAPKAN AL-QURAN DAN SUNNAH DALAM BERHUBUNGAN SESAMA MUSLIM DAN BUKAN MUSLIM ADALAH;

3

- Hidayah adalah milik Allah SWT
- Hanyalah milik Allah SWT secara mutlak
- Hidayah hanya kepada sesiapa yang dikehendaki Allah SWT
- Manusia tiada kuasa memberi hidayah kepada manusia lain
- Setiap muslim hanya perlu berusaha menyampaikan dakwah sahaja

# HANYA ALLAH SWT SAHAJA YANG BERHAK MEMBERIKAN PETUNJUK;

Sabda Nabi SAW | Ayat al-Quran | **Ayat 272, al-Baqarah;**

لَّيْسَ عَلَيْكَ هُدَىٰهُمْ وَلَـٰكِنَّ
ٱللَّهَ يَهْدِى مَن يَشَآءُ ۗ

# HANYA ALLAH SWT SAHAJA YANG BERHAK MEMBERIKAN PETUNJUK;

SABDA NABI SAW | AYAT AL-QURAN | MAKSUD HADIS | MAKSUD AYAT

***"Bukanlah kewajipanmu (wahai Muhammad) menjadikan mereka (yang kafir) mendapat petunjuk (kerana kewajipanmu hanya menyampaikan petunjuk), akan tetapi Allah jualah yang memberikan petunjuk (memberi taufik) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya".***

# ATAS DASAR HIDAYAH ITU MILIK ALLAH SWT, MAKA;

- Bukan tugas kita untuk menghukum orang lain yang menolak dakwah Islam
- Hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui hakikat hati manusia
- Hanya Allah SWT yang menghukum manusia di akhirat kelak
- Kita dituntut berbuat baik kepada golongan bukan Islam dan menghormati kepercayaan mereka

## TANGGUNGJAWAB KITA TERHADAP PENGANUT AGAMA DAN BANGSA LAIN;

### Ayat 8, Surah al-Mumtahanah bermaksud;

***"Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangimu dalam urusan agama (kamu), dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil."***

# TUNTUTAN BERBUAT BAIK KEPADA GOLONGAN BUKAN ISLAM;

## Kata asma' binti Abi Bakar R.A bermaksud;

***"Ibuku datang mengunjungiku pada masa perjanjian damai Quraisy dengan Rasulullah SAW, sedang waktu itu dia adalah seorang perempuan musyrik. Lalu aku pergi menemui Rasulullah SAW dan bertanya kepada baginda, 'Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku datang dengan mengharap baktiku kepadanya,***

# TUNTUTAN BERBUAT BAIK KEPADA GOLONGAN BUKAN ISLAM;

## Kata asma' binti Abi Bakar R.A bermaksud;

***maka apakah aku boleh berbuat baik kepadanya?'* Rasulullah SAW menjawab, *"Ya, berbuat baiklah kepada ibumu, sambutlah kedatangannya dan perlakulah ia dengan baik".***

***(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).***

# ISLAM MENGHARUSKAN KEPADA KITA UNTUK;

- Menjalinkan hubungan sesama insan dan berbuat baik
- Memberikan bantuan dan pertolongan apabila diminta oleh orang bukan Islam
- Memelihara kebaikan dan keharmonian bermasyarakat

# PENGAJARAN DAN PENGHAYATAN DARIPADA KHUTBAH INI ADALAH;

1. YAKINLAH BAHAWA HANYA DENGAN KEIMANAN, PERSAUDARAAN DAN KEHARMONIAN DAPAT DIPELIHARA

2. PELIHARALAH HUBUNGAN MESRA, AMAN DAN HARMONI UNTUK MENGEKALKAN KEAMANAN DAN MENJAMIN KEMAJUAN NEGARA

3. SETIAP WARGA NEGARA INI HENDAKLAH MEMAHAMI HAK, TANGGUNGJAWAB DAN KEHORMATAN SEBAGAIMANA DITETAPKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

# JANJI ALLAH SWT;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ ٱلشَّيۡطَانِ ٱلرَّجِيمِ

وَلَوۡ شَآءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ ٱلنَّاسَ أُمَّةً وَٰحِدَةًۖ وَلَا

يَزَالُونَ مُخۡتَلِفِينَ .إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَۚ وَلِذَٰلِكَ

خَلَقَهُمۡۗ وَتَمَّتۡ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمۡلَأَنَّ جَهَنَّمَ

مِنَ ٱلۡجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ أَجۡمَعِينَ.

## JANJI ALLAH SWT;

***“Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendakinya, tentu Dia menjadikan semua manusia ini umat yang satu (namun Dia tidak berbuat demikian) dan disebabkan itulah mereka terus-menerus berselisih faham. Kecuali orang yang dikurniakan rahmat oleh Tuhanmu***

## JANJI ALLAH SWT;

***(mereka bersatu dalam rahmat Allah) dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah mencipta manusia. Dengan itu, sempurnalah janji Tuhanmu, dan Aku pasti akan memenuhkan neraka Jahanam dengan jin dan manusia (yang berdosa).”***

***(Surah Hud: 118-119).***

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي

الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا

فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ

وَمِنْكُمْ تِلاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ

الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ

الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ

إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ

# خطبة كدوا

# KHUTBAH KEDUA

ٱلْـحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ ٱلشَّرِيعَةَ
هُدًى لِّلنَّاسِ وَرَحْمَةً، أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ
إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ اِتَّقُواْ

اللَّهَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى

اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى

ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ

عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِيْنَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ

يَا أَرْحَمَ ٱلرَّاحِمِينَ.

ٱللَّهُمَّ أَعِزَّ ٱلْإِسْلَامَ وَٱلْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ ٱلشِّرْكَ وَٱلْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ ٱلدِّينِ، وَٱجْعَلْ هَٰذَا ٱلْبَلَدَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا وَسَائِرَ بِلَادِ ٱلْمُسْلِمِينَ.

ٱللَّهُمَّ وَفِّقْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ

وَوُلَاةَ أُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ

لِمَا فِيهِ صَلَاحُ ٱلْبِلَادِ وَٱلْعِبَادِ.

اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الأَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَآئِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،

جَلاَلَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَان سلاغُور،

سُلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج

ابن المرحوم سُلْطَان صَلاَحُ الدِّين عبد

العزيز شاه الحاج. اَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ

وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ،

وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سلاغُور، تغ كو أَمِير شَاه اِبْنِ السُّلْطَان
شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج، فِيْ أَمْنٍ
وَصَلاَحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا
الْجَلالِ وَالإِكْرَامِ.

اَللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ

لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلاَدِ، وَبلِّغْ

مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى

وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk penyelewengan, kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala kerosakan dunia angkara perbuatan tangan-tangan kami sendiri. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Bimbinglah kami agar istiqamah dalam melaksanakan segala perintah-Mu dan meninggalkan segala larangan-Mu. Suburkanlah kasih sayang dan ukhuwah di antara kami serta hiasilah diri kami dengan akhlak mulia.

Ya Allah! Kami memohon perlindungan-Mu daripada kejahatan para musuh dan pengkhianat. Peliharalah kami daripada godaan syaitan dan tentera-tenteranya serta bimbinglah kami untuk sentiasa mendekatkan diri kepada-Mu.

رَبَّنَا هَبۡ لَنَا مِنۡ أَزۡوَٰجِنَا وَذُرِّيَّٰتِنَا قُرَّةَ

أَعۡيُنِ وَٱجۡعَلۡنَا لِلۡمُتَّقِينَ إِمَامًا.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ

حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ

وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ

عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ

يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُواْ اللَّهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ

وَاشْكُرُوْهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،

وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ

اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا

تَصْنَعُونَ.

ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE

*Disediakan oleh;*

*Unit Khutbah*
*Bahagian Pengurusan Masjid*
Jabatan Agama Islam Selangor